

TARIKH	15 / 11 / 2015	SEKSYEN	Setempat
MUKA SURAT	42	RUANGAN	

Kuala Lumpur

Takaful Malaysia sumbang RM150,000

Atas dasar keprihatinan, Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) meneruskan misi bantuan mereka terhadap mangsa banjir di negeri terjejas dengan menyumbangkan RM150,000 kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Mohamed Hassan Kamil dalam satu kenyataannya berkata, peruntukan disalurkan bagi menambah sumber diperlukan dalam operasi bencana yang giat dilaksanakan di beberapa kawasan terjejas.

Menurutnya, sebagai



MOHAMED Hassan

sebuah-syarikat insurans di negara ini, pihaknya turut mempunyai pengalaman

dalam meneliti aspek berkaitan bencana banjir terutamanya membabitkan masalah serta impak yang bakal dialami mangsa terbabit.

“Kesan menyeluruh bencana hanya dapat dilihat selepas air banjir surut, maka sumbangan kewangan kami ini diharap mampu meringankan beban ditanggung keluarga di setiap kawasan terjejas.

“Malah usaha bantuan pascabanjir ini membantu mereka dalam membina hidup baru,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini, semalam.